



# Bentuk dan Warnai Impian Anda!

Membina Impian melalui  
Seni dan Persahabatan

---

Masa yang Dicapangkan:  
15 minit hingga 1 jam

#### Pengenalan tentang Majlis Seni Kebangsaan


Majlis Seni Kebangsaan adalah sebuah badan yang memperjuangkan seni di Singapura. Dengan memupuk kecemerlangan kreatif dan menyokong penglibatan khalayak ramai, seni yang pelbagai dan tersendiri kami memberi inspirasi dan menghubungkan masyarakat, serta meletakkan Singapura di peringkat antarabangsa. Kami memelihara kekayaan tradisi budaya sementara memupuk penggiat seni terulung dan syarikat-syarikat seni yang bersemangat, untuk masa akan datang. Sokongan kami terhadap seni adalah komprehensif – dari segi bantuan dana dan perkongsian, sehingga kemudahan industri dan perumahan seni. Majlis mengalu-alukan pemberian kepada atau melalui seni daripada syarikat persendirian dan korporat, bagi membantu menjadikan seni sebahagian penting dalam kehidupan setiap individu. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.nac.gov.sg](http://www.nac.gov.sg).

Untuk maklumat lanjut mengenai Peralatan Seni buat Pendamping sila layari [www.nac.gov.sg/BAToolkit](http://www.nac.gov.sg/BAToolkit)



#### Hashtag kami

Gunakan hashtag #BAToolkit di media sosial apabila anda berkongsi gambar, berhubung dengan rakan-rakan pendamping, atau apa sahaja yang berkaitan dengan aktiviti kami!



#### Pendamping sekalian,

**Penglibatan dalam aktiviti berkaitan dengan seni dapat memberi peluang kepada individu dari pelbagai latar belakang untuk berkumpul, berkongsi cerita dan pengalaman, serta membina hubungan sosial. Peralatan Seni buat Pendamping ini memberi pelbagai idea aktiviti ringkas berkaitan dengan seni bagi pendamping sukarelawan seperti anda, ketika membuat lawatan rumah. Rekaan yang mudah dan seronok untuk digunakan, sama ada anda mempunyai latar belakang seni ataupun tidak - supaya anda boleh fokus membuat aktiviti dengan benifisiari!**

Aktiviti ini dapat membantu anda berhubung dengan benifisiari melalui seni, impian dan kreativiti. Biarkan imaginasi anda bebas, dan manfaatkan persekitaraan anda dalam membimbing benifisiari anda untuk berkarya. Berinteraksi dengan benifisiari anda ketika mencari bentuk dan warna di sekitar bersama-sama. Kemudian, bayangkan bagaimana kedua-duanya boleh disatukan – bagai serpihan sebuah impian. Fokus utama adalah terhadap penglibatan dan keseronokkan sepanjang proses dan bukan hasil lukisan anda!

### Bahan Utama

Anda akan memerlukan:

1. Kamera  
(cth. Kamera telefon bimbit)
2. Buku lukisan
3. Pastel minyak



### Jadikan ia lebih ceria!

Tiada krayon? Jangan bimbang, anda boleh gunakan peralatan yang sedia ada – cth. Pensel warna, cat air, cat, pen penanda, dsb.

Untuk video arahan beserta panduan langkah demi langkah, layari:  
<https://artsforall.sg/resources/toolkit/befrienders-arts-toolkit.aspx>



### Langkah 1

#### Ambil gambar objek di sekitar anda

Kenali antara satu sama lain dengan lebih mesra. Lihat ruang di sekitar anda dan ambil gambar objek atau pemandangan yang anda berdua sukakan. Minta benifisiari untuk membawa anda melihat persekitaran rumah tersebut sambil berinteraksi dengan satu sama lain.

Perhatikan bentuk-bentuk dan ciri-ciri yang menarik, cth. Jeriji tingkap, bingkai gambar, tungku dapur, kusyen, atau tin minuman ringan. Tidak kira apa sahaja! Atau minta benifisiari untuk membawa anda ke sudut kegemarannya di rumah itu, atau tunjukkan anda bentuk atau warna kesukaannya.



#### Tip Beramah-mesra!

Tanyakan soalan yang bersifat terbuka dan menggalakkan untuk teruskan perbualan. Galakkan benifisiari anda untuk berkongsi apa yang dia harapkan, atau kisah hidup dan kenangan:

Apakah warna kegemaran anda? Kenapa?

Apa yang membuat anda gembira?

Apa yang anda impikan?

Apa yang bermain di fikiran anda apabila melihat ini (merujuk kepada sesuatu objek)?

### Langkah 2

#### Kenali bentuk dan warna di sekitar anda

Kenali bentuk dan warna di dalam gambar yang diambil oleh anda dan benifisiari bersama-sama.





Langkah

3

### Biarkan bentuk di sekitar anda menjadi panduan untuk lukisan anda

Bentangkan buku lukisan dan krayon anda, dan mula melukis. Bimbing benifisiari anda dalam memilih bentuk atau melukis warna – anda boleh memberi pilihan, atau mulakan terlebih dahulu dan galakkan mereka untuk membantu anda.

Dengan imaginasi, seseorang mampu menghasilkan apa sahaja lukisan menggunakan bentuk asas. Biarkan kreativiti anda bebas mengalir dan tambahkan elemen-elemen artistik pada bentuk tersebut.

Tip!

#### Gunakan imaginasi anda!




Gunakan pelbagai bentuk-bentuk untuk mencipta bentuk baru. Contohnya, dua bentuk segi empat sama menghasilkan sebentuk segi empat tepat, dua bentuk segi tiga menghasilkan bentuk potongan wajik – seperti impian, kemungkinan juga tiada batasnya.

#### Serlahkan warna itu!

Pilih warna yang kontras untuk kelihatan lebih memukau – gabungan warna seperti merah dan hijau, kuning dan ungu, biru dan jingga akan kelihatan sangat menarik.

#### Ciptakan permainan!

Cipta suasana yang seronok dan santai. Anda boleh meminta benifisiari anda untuk meneka warna kegemaran anda, kongsi mimpi yang luar biasa, atau lukis sesuatu dan biarkan mereka meneka apa yang anda lukis.



Langkah

4

### Selesai sebuah karya!

Apabila aktiviti sudah hampir ke penghujungnya, minta benifisiari untuk kongsikan impian yang digambarkan oleh karya seni mereka. Gunakan soalan terbuka, seperti “ceritakan pada saya...”. Jangan ragu-ragu untuk ambil tahu!

Ucapkan terima kasih kepada benifisiari anda kerana berkongsi perjalanan kreatifnya bersama anda. Jemput mereka untuk memberikan tajuk dan tandatangan karya seni mereka, seperti yang dilakukan oleh mana-mana pelukis! Pilih satu tempat untuk meletakkan lukisan, atau ambil gambar bersama untuk dijadikan kenangan.

#### Tip Beramah-mesra!

Utamakan benifisiari anda dalam perbualan tersebut, berikan mereka ruang untuk mengutarakan pendapat. Berikut adalah beberapa cadangan:

Hargai ciptaan mereka dan kongsikan apa yang paling menonjol bagi anda.

Gunakan objek di dalam gambar atau lukisan sebagai titik permulaan untuk berkongsi cerita dan impian anda sendiri.

Kongsikan pengalaman anda dan minta pandangan serta nasihat dari mereka.



**Terima kasih kerana sudi  
menjadi seorang sukarelawan  
seni! Kami harap Peralatan  
Seni buat Pendamping ini  
telah memberikan manfaat  
untuk berhubung dengan  
benifisiari anda. Untuk cadangan  
lebih lanjut, sila layari  
[www.nac.gov.sg/BAToolkit](http://www.nac.gov.sg/BAToolkit)**

## **Penghargaan**

**Aktiviti Direka Oleh**

Karen Koh

**Dengan Ucapan Terima Kasih Kepada**

Life Community  
Services Society

REACH Community  
Services Society

Montfort Care

YMCA of  
Singapore

NTUC Health  
Co-operative Limited

WeCare@  
Marine Parade

**Sebuah Inisiatif Oleh**



**Disokong Oleh**



**Untuk Menyokong**



Syarat Penggunaan: Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan di dalam sistem penemuan kembali, atau dihantar dalam sebarang bentuk atau melalui apa cara sekalipun, alat elektronik, alat mekanik, salinan foto, rakaman atau sebagainya, tanpa kebenaran bertulis oleh penerbit. Penerbit telah berusaha untuk memastikan bahawa arahannya adalah tepat dan selamat, tetapi tidak boleh menerima liabiliti untuk sebarang kecederaan atau kerosakan harta. Hak cipta terpelihara. Bukan untuk dijual.